

# **Perbadanan Labuan, UMS jalin kerjasam**

**LABUAN 18 Nov. - Majlis  
Perarakan Berjubah Graduan  
2014 yang dianjurkan oleh  
Majlis Wilayah Sabah**

Universiti Malaysia Sabah  
Kampus Antarabangsa

Labuan (UMSKAL) deka  
baru, baru ini membukt

baru-baru ini membuktikan kerjasama kukuh antara universiti itu dengan Perbadanan Labuan.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah berkata, majlis itu yang diadakan setiap tahun sejak 2009 juga merupakan kesinambungan hubungan erat antara kedua-dua pihak.

Malah jelasnya, sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA)

kesembilan di negara ini, UMS amat memerlukan sokongan dan kerjasama padu pihak berkuasa tempatan (PBT) khususnya Perbadanan Labuan.

“Majlis perarakan ini membuktikan wujudnya hubungan baik dan kerjasama padu antara UMS dan Perbadanan Labuan,” katanya ketika berucap dalam

majlis berkenaan sempena Majlis Konvokesyen UMS Ke-16 peringkat Labuan di Dataran Labuan baru-baru ini.

Pada majlis itu, para penuntut Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) dan Fakulti Informatik Labuan (FIL) menerima kunci dan sijil penghargaan sebagai simbolik penerimaan mereka sebagai 'warga' Labuan.

Terdahulu, Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr.

Murnizam Halik mengetuai perarakan sejauh dua kilometer dengan membawa skrol dan turut disertai Mohd. Harun serta 200 orang warga universiti.

Setiba di Dataran Labuan, rombongan perarakan disambut Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Datuk Mohd. Nadzri Osman dan timbalannya, Mohd. Rithuan Ismail.

Mohd. Harun berkata,

sejak beroperasi pada Mei 1999, UMSKAL telah melahirkan ramai bijak pandai yang kini kembali menabur bakti di seluruh negara termasuk di pulau